

145

NO. SOALAN: 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 15 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10589**

**SOALAN:**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa Kerajaan Malaysia tidak merasa terancam dengan kewujudan pasukan paramiliter yang menculik Pastor Raymond Koh pada bulan Februari 2017.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kes penculikan Pastor Raymond Koh berkait Kelana Jaya Repot 1540/2017 bertarikh 13 Februari 2017 telah menarik perhatian pihak polis memandangkan modus operandi penculikan dilakukan secara berkumpulan. PDRM telah menggembeleng seluruh sumber dan tenaga untuk mengumpul maklumat risikan bagi mengenal pasti kumpulan tersebut.**